

04 MAR 2002

KIM YONG NAM DIBERI SAMBUTAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Ketua Dewan Perwakilan Tertinggi Korea Utara, Kim Yong Nam, yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia diberikan sambutan negara di medan Parlimen hari ini.

Ketibaan Kim di Medan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kim turut memeriksa barisan kehormat terdiri daripada 104 anggota dan pegawai Batallion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) diketuai Mejar Abu Samah Mohd Noor.

Tembakan meriam 21 das juga dilepaskan.

Selepas majlis itu, Kim bersama Yang di-Pertuan Agong dibawa berkereta melalui Jalan Parlimen, Dataran Merdeka dan Jalan Sultan Ismail sebelum berakhir di hotel penginapannya, Hotel Istana.

Petang ini, Kim dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Putrajaya dan mereka kemudiannya akan mengetuai delegasi masing-masing dalam mesyuarat membincangkan kerjasama dua hala.

Malam ini, Kim akan diraikan oleh Tuanku Syed Sirajuddin pada majlis santapan negara di Istana Negara.

-- BERNAMA
SNS AZZ NMO